Namun menurut Kozma (2000), pelajar selalunya akan menghadapi masalah apabila mereka tidak dapat mengaitkan ketiga-tiga aras perwakilan tersebut. Justeru, pelajar perlu mempunyai kemahiran dalam melakukan proses penaakulan dalam memahami sesuatu konsep yang abstrak khususnya dalam topik Elektrokimia.


Menurut Morris et al. (2012), penaakulan saintifik adalah terdiri daripada kemahiran menaakul dan kemahiran penyelesaian masalah melalui aktiviti yang dijalankan. Maka dalam hal ini, pelajar perlu mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi iaitu kemahiran berfikir secara kritis dan secara kreatif. Perkara ini telah dititikberatkan dalam silibus mata pelajaran Kimia.

Berdasarkan KPM (2012), Kemahiran Berfikir yang dibahagikan kepada dua kategori pula ialah (a) Pemikiran Kritis dan (b) Pemikiran Kreatif, yang bertujuan supaya pelajar dapat mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap diri untuk memahami dan mencorak alam sekelilingnya. Kebolehan untuk membentuk strategi

berfikir merupakan tahap tertinggi, iaitu matlamat akhir dalam proses berfikir. Pemikiran kritis membolehkan pelajar menilai sesuatu idea dengan sistematik sebelum menerimanya. Pemikiran kreatif pula memerlukan daya imaginasi yang tinggi, dapat menjana idea yang inovatif dan asli, serta boleh mengubahsuai idea atau produk yang sedia ada.

Kemahiran Berfikir Kritis termasuklah (a) mencirikan, (b) membanding dan membezakan, (c) mengumpulkan dan mengelaskan, (d) membuat urutan, (e) menyusun mengikut keutamaan, (f) menganalisis, (g) mengesan kecondongan, (h) menilai, dan (i) membuat kesimpulan. Manakala, Kemahiran Berfikir Kreatif pula merangkumi (a) menjanakan idea, (b) menghubungkan, (c) membuat inferens, (d) meramalkan, (e) mengitlakkan, (f) membuat gambaran mental, (g) mensintesis, (h) membuat hipotesis, (i) menganalogikan, dan (j) mereka cipta. Gabungan kedua-dua kemahiran ini membolehkan kemahiran penaakulan dilakukan. Maka, kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Justeru, sebagai pelajar, kemahiran menaakul adalah diperlukan. Maka dalam mempelajari Elektrokimia, pelajar perlu mempunyai penaakulan saintifik bagi membolehkan mereka membuat gambaran mental yang menjurus kepada kefahaman mikroskopik dan simbolik. Rajah 1.4 menunjukkan Model Kemahiran Berfikir dan Strategi Berfikir (KBSB) dalam Sains (KPM, 2012 & KPM, 2018).



Rajah 1.4. Model Kemahiran Berfikir dan Strategi Berfikir (KBSB) dalam Sains (KPM, 2012)

Menurut Zimmerman (2007), KPS merupakan kemahiran berfikir yang melibatkan inkuiri, eksperimen, penilaian bukti, inferens, dan perdebatan untuk membolehkan perubahan konsep atau pemahaman saintifik berkaitan dunia semulajadi (Zimmerman, 2007; Ibrahim, 2012). KPS dapat mendorong pelajar menggunakan pemikiran aras tinggi, penyelesaian masalah, semangat ingin tahu, bermaklumat, berkomunikasi, dan bekerja secara berpasukan (Mat Ail, 2015). Maka KPS dapat didefinisikan sebagai kemahiran kognitif yang diperlukan untuk memahami dan menilai maklumat saintifik seperti teori, statistik dan hipotesis penyebab. Berdasarkan perspektif kajian, KPS dapat didefinisikan sebagai kemahiran pemikiran dan penaakulan yang melibatkan inkuiri, eksperimen, penilaian bukti, inferens dan perdebatan yang menyokong pembentukan dan modifikasi konsep dan

teori berkaitan alam semulajadi dan sosial (Jaleel, 2017). Selain itu, beliau juga membuktikan terdapat perkaitan antara KPS dan pencapaian dalam subjek Kimia.

Bagi membolehkan pelajar memahami konsep elektrolisis dengan baik, mereka memerlukan kefahaman konsep dan KPS. Justeru, tanpa Pemahaman Konsep (PK) Kimia yang baik, para pelajar tidak dapat menaakul dengan baik. Gabungan unsur KPS semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) membolehkan pelajar memberi sebab yang logik secara saintifik dan berdasarkan bukti kukuh yang diperoleh daripada eksperimen yang dijalankan atau pun dengan merujuk hasil penyelidikan orang lain.

KPS ini perlu diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi membantu pelajar memahami konsep-konsep yang terdapat dalam subjek-subjek bidang Sains dengan lebih mendalam. Pelajar menggunakan KPS dengan menginterpretasi maklumat dalam bentuk angka. Interpretasi maklumat dalam bentuk angka yang terdapat dalam jadual dibuat dengan meneliti turun, naik atau tetap bagi suatu pembolehubah bersandar yang diukur apabila sesuatu pembolehubah dimanipulasikan diuji. Interpretasi maklumat ini memerlukan KPS daripada pelajar (She, 2010).

KPS yang berkesan memerlukan seseorang menilai sesuatu yang sedang berlaku atau dipercayai, membangunkan soalan yang boleh diuji, menguji hipotesis, dan membuat kesimpulan yang bersesuaian dengan mengkoordinasikan bukti empirik dan teori. Penaakulan ini memerlukan keupayaan seseorang untuk mendapatkan maklumat secara sistematik, dan merangka inferens yang bersesuaian daripada corak yang diperhatikan bagi setiap peringkat dalam proses penaakulan (Morris, 2012).

Sodian dan Bullock (2008) berpendapat bahawa kematangan KPS melibatkan proses metastrategik yang melibatkan keupayaan berfikir secara jelas berkaitan hipotesis dan evidens, dan keupayaan ini tidak akan dicapai sehingga seseorang individu mencapai peringkat kematangan (Morris, 2012). Hal ini disebabkan mereka membuat kesimpulan dengan dipengaruhi oleh kepercayaan sendiri melebihi evidens yang diperhatikan (Morris, 2012).

Menurut Lawson (2000), corak penaakulan saintifik ditakrifkan sebagai strategi mental, pelan atau peraturan yang digunakan untuk memproses dan membuat kesimpulan yang menjangkau pengalaman langsung. KPS melibatkan keupayaan untuk membina hujah yang kuat untuk tindakan pelajar. Oleh itu, KPS berkaitan dengan kebolehan kognitif seperti pemikiran kritikal dan pemikiran yang membantu pelajar dalam menghasilkan pengetahuan semasa menyelesaikan masalah melalui penaakulan berasaskan bukti. Memandangkan adanya perkaitan antara penjanaan pengetahuan melalui debat dengan hujah-hujah dan alasan yang menyokong atau membantah hujah-hujah ini, maka pelajar dengan tahap KPS yang tinggi dijangka akan dapat menjadi penyelesaian masalah yang unggul (Tajudin, 2015).

Faktor peningkatan KPS yang penting melibatkan penggunaan pengekodan dan strategi serta kemahiran metakognitif dan kognitif dalam konteks sosial dan fizikal yang bersesuaian. Peningkatan KPS ini memerlukan tempoh yang lama dengan pelbagai alat sokongan pembelajaran. Faktor bukan kognitif yang turut menyumbang kepada peningkatan KPS ialah seperti motivasi, personaliti, kemahiran perdebatan, dan kepercayaan sendiri (Morris, 2012).

Dua mekanisme yang memainkan peranan penting dalam semua proses kognitif ialah pengekodan dan pemerolehan strategi. Pengekodan melibatkan fokus kepada maklumat-maklumat yang tepat dan bersesuaian. Pemerolehan strategi pula

ialah memilih pendekatan yang sesuai bagi mengumpul pengetahuan baru dan mensintesis pengetahuan sedia ada. Perkembangan kesedaran metakognitif terhadap proses pengekodan dan kemahiran metastrategik bagi memilih dan menggunakan strategi inferens dan hipotesis. Faktor kontekstual seperti alat bantu mengajar atau panduan arahan yang sesuai juga turut menyokong perkembangan kemahiran kognitif dan metakognitif yang diperlukan dalam mewujudkan pemikiran saintifik (Morris, 2012).

Sifat ingin tahu mendorong seseorang untuk mendapatkan maklumat. Pencarian maklumat mengaktifkan mekanisme asas kognitif yang digunakan untuk mengekod maklumat daripada persekitaran bagi mencapai matlamat yang diimpikan. Mekanisme asas kognitif yang termasuk dalam KPS dan aras kognitif tinggi ialah seperti analogi, pembelajaran statistik, pengkategorian, peniruan, dan perencatan (Morris, 2012).

Pengekodan ialah proses untuk mempersembahkan maklumat ke dalam memori hasil tumpuan kepada rangsangan. Pengekodan merupakan mekanisme asas dalam penaakulan saintifik kerana maklumat hendaklah dipersembahkan sebelum ia dapat diberi penaakulan. Kualiti dan proses maklumat yang dipersembahkan itu mempengaruhi kualiti penaakulan yang dibuat. Keupayaan pengekodan meningkat dengan pemerolehan strategi pengekodan dan pengetahuan domain pelajar. Pelajar yang mempunyai pengetahuan domain yang tinggi mampu untuk menilai sama ada maklumat itu penting atau tidak untuk proses pengekodan (Morris, 2012).

Berdasarkan Morris (2012), strategi pula ialah turutan prosedur tindakan yang digunakan untuk mencapai matlamat. Tambah beliau, dalam konteks penaakulan saintifik, strategi pula ialah langkah yang membimbing pelajar daripada keadaan asal

ke arah mencapai matlamat yang diinginkan. Pemerolehan strategi yang optimum dalam pengujian hipotesis, inferens, dan penilaian evidens menyumbang kepada KPS yang lebih berkesan dalam membina pengetahuan yang betul dalam kalangan pelajar. Maka dalam hal ini, pelajar juga mendapatkan strategi baru melalui interaksi sosial dengan cara mengajar strategi, meniru sesuatu strategi, atau berkolaborasi dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Oleh itu, perdebatan merupakan satu strategi yang boleh digunakan untuk menjana pemikiran kritikal pelajar. Hujah saintifik membantu pelajar mengembangkan dan menyempurnakan pengetahuan Sains. Toulmin (2003) menyatakan bahawa pandangan hujah bergantung kepada bidang, iaitu penerimaan kandungan dalam hujah bergantung kepada kandungan pengetahuan domain.

Aspek perdebatan Toulmin telah banyak diguna pakai oleh penyelidik-penyelidik terdahulu sebagai alat metodologi bagi menganalisis episod-episod perdebatan. Terdapat enam aspek dalam struktur perdebatan Toulmin iaitu:

- a) Pernyataan (*Claim*): “Apakah yang sedang kamu persoalkan?”
- b) Bukti berdasarkan data (*Evidence*): “Apakah data yang kamu ada sekarang?”
- c) Waran (*Warrants*): “Apakah yang menyebabkan kamu berfikir sedemikian?”
- d) Penerangan (*Qualifier*): “Sejauh mana kamu tahu bahawa apa yang kamu fikir adalah betul?”
- e) Bangkangan (*Rebuttal*): “Dalam situasi manakah perkara yang kamu perdebatkan itu adalah salah?”
- f) Sokongan (*Support*): “Apakah kesan perkara yang kamu perdebatkan itu?”

(Taha, 2014)

Dalam proses pembelajaran, aspek motivasi adalah penting. Motivasi merupakan faktor luaran yang secara langsung boleh menyumbang kepada tindakan. Motivasi terhasil daripada interaksi seseorang terhadap aspek sosial luaran dengan aspek psikologi dalamannya. Dalam erti kata yang lain, motivasi dapat dipengaruhi oleh faktor luaran seperti persekitaran, sosial dan budaya atau faktor dalaman seperti keperluan psikologi (Lee, 2017). Russell (1997) melaporkan di antara kriteria penting bagi membina pemahaman konsep yang utuh bagi pelajar iaitu motivasi. Maka dalam hal ini, persekitaran belajar amat penting dalam membantu meningkatkan motivasi.

Motivasi adalah satu keinginan mental yang mendorong seseorang individu dalam mencapai apa yang dikehendaki (Goyel, 2015). Bagi Mohd Zaaba dan Zuraida (2004), motivasi merupakan satu keinginan yang ada dalam diri pelajar untuk mencapai kejayaan. Bagi Glynn, et al. (2009), jika pelajar belajar dengan bersungguh untuk mencapai kejayaan, maka pelajar tersebut mempunyai motivasi yang tinggi. Maka dapat dikatakan bahawa motivasi belajar ini memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelajar.

Motivasi boleh dianggap sebagai suatu semangat yang sentiasa memberikan tenaga, mengarah dan mengekalkan sesuatu sikap baik. Motivasi meningkatkan prestasi pelajar terhadap pembelajaran dengan cara mengarah kelakuan mereka untuk mencapai matlamat yang diimpikan. Hal ini dapat dicapai dengan menumpukan dan meningkatkan aktiviti dan proses kognitif secara lebih berkesan.

Justeru, dengan menerapkan elemen motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran Kimia akan mewujudkan proses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan pelajar (Imam, 2017). Melaluinya, pelajar mampu untuk terus belajar

walaupun terdapat kesukaran untuk memahami sesuatu konsep. Noordin et al. (2010) menjelaskan bahawa motivasi dalam pembelajaran kimia mempengaruhi prestasi pelajar dalam mata pelajaran Kimia (Imam, 2017). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Bakar (2011) menyatakan bahawa pelajar memerlukan motivasi yang lebih apabila belajar berkaitan konsep Elektrokimia. Hal ini adalah disebabkan oleh topik ini sukar untuk difahami dan sangat abstrak. Maka, dapat dirumuskan bahawa pelajar memerlukan Motivasi Belajar (MB) yang tinggi untuk mempelajari topik Elektrokimia.

Dengan adanya MB yang tinggi, pelajar mampu untuk memberi perhatian kepada pengajaran guru dan dalam masa yang sama mampu meningkatkan kefahaman mereka terhadap apa yang dipelajari. Menurut Pintrich (1991) motivasi boleh dibahagikan kepada lima aspek iaitu (1) kepercayaan terhadap keupayaan diri (*self-efficacy*), (2) nilai intrinsik pembelajaran Sains (*intrinsic value of learning*), (3) kerisauan terhadap peperiksaan (*test anxiety*), (4) penggunaan strategi pembelajaran (*use of learning strategies*) dan (5) kekurangan penggunaan strategi pembelajaran (*lack of learning strategies*). Kelima-lima aspek ini sangat diperlukan dalam mempelajari konsep-konsep Elektrokimia yang abstrak. Hal ini kerana menurut Garcia dan Pintrich (1994), motivasi dan kognitif adalah dua elemen yang mempunyai kaitan. Dengan itu, apabila pelajar mempunyai MB yang tinggi, keupayaan kognitif mereka juga meningkat. Maka dalam hal ini, mudahlah bagi pelajar untuk memahami konsep Elektrokimia yang abstrak apabila keupayaan kognitif dapat ditingkat dengan melakukan imej minda (*mental image*).

1.3 **Penyataan Masalah**

Elektrokimia sememangnya susah pada tanggapan kebanyakan pelajar. Masalah pembelajaran Elektrokimia dalam kalangan pelajar sekolah menengah meliputi empat subtopik pengenalan iaitu (a) elektrolit, (b) pergerakan cas elektrik dalam larutan elektrolit, (c) katod dan anod, dan (d) kutub yang bercas positif dan negatif. Schmidt, Marohn dan Harrison (2007) telah menjalankan kajian terhadap 15,700 responden berkaitan topik Elektrokimia di sekolah menengah. Hasil kajian tersebut didapati terdapat empat konsep alternatif daripada pelajar iaitu (a) semasa proses elektrolisis, arus elektrik menghasilkan ion-ion, (b) pemindahan elektron-elektron berlaku melalui larutan daripada satu elektrod ke satu elektrod yang lain, (c) katod selalunya adalah bercas negatif manakala anod pula bercas positif, dan (d) kutub yang bercas positif dan negatif membawa cas masing-masing. Hal ini menunjukkan pelajar keliru dan sukar memahami konsep-konsep tersebut.

Selain itu, menurut Taha (2014), masalah pembelajaran Elektrokimia berlaku apabila pelajar tidak dapat menguasai konsep-konsep asas, tidak dapat menulis persamaan kimia yang seimbang, dan tidak dapat menerangkan proses elektrolisis. Tambah beliau, hal ini disebabkan mereka tidak dapat menguasai penyelesaian masalah yang melibatkan stoikiometri.

Bakar (2010) pula menjelaskan masalah pembelajaran Elektrokimia disebabkan oleh kelemahan penguasaan konsep dan aplikasi simbol serta penulisan yang melibatkan kemahiran Matematik. Tambah beliau, penguasaan penaakulan matematik yang kukuh diperlukan pelajar untuk mengimbangi persamaan ion dengan lengkap. Pelajar tidak akan dapat menguasai konsep-konsep Elektrokimia jika sekadar menghafal sahaja. Tambahan pula, konsep Elektrokimia mempunyai banyak

terminologi dalam bentuk perkataan dan simbol yang perlu difahami dan diingati pelajar. Bakar (2014) menjelaskan penguasaan konsep Elektrokimia tidak akan berlaku sekiranya pelajar hanya dapat menghafal, tetapi tidak mampu menghubungkan konsep-konsep asas dalam Elektrokimia bagi menyatakan inferens yang berlaku pada elektrod dan larutan elektrolit sepanjang proses elektrolisis berlaku.

Akram (2014) juga telah melaporkan bahawa terdapat kesukaran untuk memahami konsep-konsep Elektrokimia seperti tindak balas redoks, sel elektrolisis dan sel galvani dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Bahawalpur, Pakistan. Sebanyak 67 % konsep-konsep Elektrokimia yang diutarakan dianggap susah oleh responden mereka, dengan konsep yang paling sukar ialah proses pengaliran ion-ion dalam elektrolisis, mekanisme elektrolisis dan aplikasi elektrolisis. Berdasarkan kajian beliau, konsep-konsep lain berkaitan Elektrokimia yang sukar ialah (a) hasil tindak balas elektrolisis di anod, (b) tindak balas redoks, (c) konsep pengoksidaan, (d) agen pengoksidaan, (e) agen penurunan, (f) cas pada elektrod, (g) konsep anod dan katod, (h) pengoksidaan, (i) keadaan pengoksidaan dan (j) bahan bukan konduktor.

Hal ini ditambah dengan kajian oleh Sri Rahayu (2011) yang menjelaskan bahawa masalah ketidakfahaman konsep Elektrokimia juga berlaku di negara Jepun dan Indonesia. Antara konsep yang sukar difahami mereka ialah tentang pengaliran ion-ion dalam Sel Volta. Selain itu, kelemahan pelajar dalam topik Elektrokimia ialah mereka gagal memahami konsep Matematik. Hal ini kerana persamaan kimia seimbang yang betul bagi sesuatu tindak balas dalam Sel Elektrolisis juga memerlukan pelajar menguasai konsep Matematik iaitu nisbah dan kadar (Akram, 2014).

Antara faktor penyumbang kepada masalah ketidakfahaman ini ialah kelemahan pelajar dalam menguasai KPS. Hal ini dapat dibuktikan apabila Osman (2013) menjelaskan pembelajaran Elektrokimia menjadi susah pada aras kefahaman mikroskopik dan simbolik kerana pada peringkat ini, konsep Elektrokimia adalah bersifat abstrak, iaitu tidak dapat dilihat dengan jelas melalui mata kasar proses yang berlaku sepanjang proses elektrolisis. Bakar (2010) juga menjelaskan kesukaran Elektrokimia disebabkan oleh tiada pemahaman dalam memahami perubahan yang berlaku dalam Sel Elektrokimia pada peringkat submikroskopik.

Sebagai contoh, peringkat aras kefahaman mikroskopik bagi penyaduran Kuprum pula ialah pergerakan ion-ion Cu^{2+} ke katod, dan berlaku proses penyahcasan di katod dengan setiap ion Cu^{2+} menerima 2 elektron untuk dinyahcasan menjadi atom Kuprum dan terenap sebagai pepejal perang pada permukaan katod. Pelajar tidak boleh nampak dengan jelas melalui mata kasar pergerakan ion-ion Cu^{2+} di dalam larutan ke katod, dan bagaimana proses penyahcasan ion-ion Cu^{2+} ini boleh terjadi? Jika pelajar tidak dapat membayangkan atau memberi gambaran imej minda adalah sukar untuk mereka faham. Maka, perkara ini menimbulkan kekeliruan kepada pelajar. Berikut ialah contoh-contoh topik yang menggunakan asas kefahaman mikroskopik dan submikroskopik. Rujuk Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Miskonsepsi dalam kalangan pelajar sekolah menengah melibatkan tiga aras kefahaman konsep Elektrokimia

Miskonsepsi	Aras kefahaman konsep Elektrokimia
Pengaliran elektron dalam konduktor dan bahan elektrolit	Makroskopik & mikroskopik
Pengenalpastian anod/ katod dan terminal negatif/ positif	Makroskopik
Proses yang berlaku di anod dan katod	Makroskopik, mikroskopik & simbolik
Proses pengoksidaan dan penurunan	Mikroskopik & simbolik
Konsep elektrolit	Mikroskopik & simbolik

Sumber: Osman (2013)

Bagi mengatasi masalah pelajar tidak faham, pelajar perlu mempunyai KPS. Dengan KPS, pelajar boleh membuat gambaran imej minda yang membolehkan mereka memahami konsep-konsep abstrak dalam topik Elektrokimia.

Apabila pelajar tidak menguasai KPS dengan baik, ianya memberi kesan kepada kefahaman aras simbolik. Osman (2013) menjelaskan perwakilan simbolik dengan menghasilkan persamaan ion setengah tindak balas di anod/ katod pula melibatkan penaakulan Matematik mudah dengan simbol menambah elektron ($+ e^-$) di kiri atau kanan persamaan setengah tindak balas ion supaya jumlah cas adalah sama di kiri dan kanan persamaan. Pembinaan persamaan setengah tindak balas ini memerlukan pemahaman prinsip Matematik dan latihan cuba jaya yang berterusan supaya pelajar dapat mengimbangi persamaan keseluruhan dengan cekap, mudah dan tepat. Namun, persoalannya kini ialah bagaimana cara pelajar menggambarkan dalam minda mereka berkenaan konsep abstrak ini supaya mereka mudah mengingatnya dan memahaminya? (Osman, 2013). Maka dapat dirumuskan bahawa KPS sangat diperlukan oleh setiap pelajar dalam membina kefahaman tentang konsep Elektrokimia yang abstrak ini. Setiap aktiviti pembelajaran dan tugas bertulis

mestilah ditekankan KPS untuk menarik minat pelajar, seterusnya membantu pelajar menguasai konsep Kimia yang diajar (Jaleel, 2017).

Apabila pelajar lemah dalam penguasaan KPS, maka penguasaan terhadap isi kandungan Elektrokimia juga akan lemah. Maka dalam hal ini, ianya memberi kesan kepada MB pelajar. Apabila pelajar tidak dapat memahami konsep Kimia, mereka menjadi cepat bosan. Mereka cepat mengalah dalam menyelesaikan masalah berkaitan konsep tersebut. Motivasi pelajar terhadap subjek Kimia didapati menurun apabila mereka belajar ke peringkat lebih tinggi kerana lebih banyak konsep Kimia yang bersifat abstrak yang sukar difahami pelajar dan memerlukan lebih banyak eksperimen dalam menjelaskan topik-topik Kimia yang lebih kompleks (Imam, 2017).

Maka dapat disimpulkan, kelemahan penguasaan pelajar dalam topik Elektrokimia adalah tertumpu kepada penguasaan KPS yang rendah yang mengakibatkan motivasi untuk belajar Kimia juga adalah rendah. Oleh itu, satu Manual Elektrokimia (ME) Ting. 4 telah dibangunkan bagi mengatasi masalah ini. Manual tersebut dibangunkan dengan berteraskan penyelesaian masalah kerana menurut Gabel (1984), penyelesaian masalah merupakan kaedah terbaik bagi mencungkil pemahaman pelajar berkaitan konsep yang dipelajari tersebut. Selain itu manual yang dibangunkan ini membantu pelajar dalam membentuk pengetahuan dengan pengubahsuaian model mental (skema) juga ditekankan. Dengan itu aspek perdebatan Toulmin dan penaakulan induktif Bruner diserapkan dalam manual ini. Dengan itu, guru berperanan untuk mengenal pasti kekeliruan pelajar dan seterusnya menyediakan situasi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk mengubahsui kerangka alternatif sedia ada pelajar kepada konsep yang seiras dengan konsep saintifik (Tan, 2010).

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangun dan menilai keberkesanan Manual Elektrokimia dalam meningkatkan PK Elektrokimia, KPS serta MB dalam kalangan pelajar Ting. 4. ME yang telah dibangunkan dengan penerapan unsur-unsur KPS untuk memudahkan PK Elektrokimia yang berbentuk abstrak. Manual ini menggunakan struktur perdebatan Toulmin (1958) untuk mencari jawapan bagi beberapa konsep Elektrokimia yang dikaji. Selain itu, pendekatan induktif berdasarkan Teori Pembentukan Konsep Bruner (1973) juga digunakan untuk memudahkan PK Elektrokimia Tingkatan 4.

1.4.1 Objektif Kajian

Objektif am kajian ini ialah untuk menentukan keberkesanan ME (dengan penerapan KPS dalam meningkatkan PK Elektrokimia dan MB Kimia dalam kalangan pelajar Ting. 4. ME yang dibina akan digunakan sepanjang proses PDP. Objektif khusus kajian ini ialah untuk:

- 1) membangunkan ME dengan penerapan aspek-aspek KPS Lawson (2000), penguasaan konsep Elektrokimia Tingkatan 4 berdasarkan pendekatan Bruner (1973), serta struktur perdebatan Toulmin (1958).
- 2) mengenal pasti kesan ME Ting. 4 terhadap PK Elektrokimia pelajar.
- 3) mengenal pasti kesan ME Ting. 4 terhadap KPS pelajar.
- 4) mengenal pasti kesan ME Ting. 4 terhadap MB pelajar.

1.4.2 Soalan Kajian

Soalan kajian utama dalam kajian ini ialah seperti berikut:

Adakah terdapat perbezaan min skor PK Elektrokimia Ting. 4, KPS, dan MB yang signifikan antara kumpulan kawalan dan eksperimen selepas ujian pra dikawal?

Berdasarkan soalan kajian utama tersebut, tiga soalan kajian khusus telah dibentuk iaitu:

- (1) Adakah terdapat perbezaan min skor PK Elektrokimia Ting. 4 yang signifikan antara kumpulan kawalan dan eksperimen selepas ujian pra dikawal?
- (2) Adakah terdapat perbezaan min skor KPS yang signifikan antara kumpulan kawalan dan eksperimen selepas ujian pra dikawal?
- (3) Adakah terdapat perbezaan min skor MB yang signifikan antara kumpulan kawalan dan eksperimen selepas ujian pra dikawal?.

1.4.3 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab soalan kajian, hipotesis kajian bagi soalan kajian utama ialah seperti berikut:

H_0 = Tidak terdapat perbezaan skor PK Elektrokimia Ting. 4, KPS dan MB yang signifikan antara responden dalam kumpulan kawalan dan eksperimen selepas ujian pra dikawal.

Bagi menjawab soalan kajian yang seterusnya, tiga hipotesis telah dibina iaitu:

- (1) H_0 = Tidak terdapat perbezaan skor PK Elektrokimia Ting. 4 yang signifikan antara responden dalam kumpulan kawalan dan eksperimen selepas ujian pra dikawal.
- (2) H_0 = Tidak terdapat perbezaan skor KPS yang signifikan antara responden dalam kumpulan kawalan dan eksperimen selepas ujian pra dikawal.
- (3) H_0 = Tidak terdapat perbezaan skor MB yang signifikan antara responden dalam kumpulan kawalan dan eksperimen selepas ujian pra dikawal.

1.5 Kepentingan Kajian

Manual yang dibina ini diharap dapat membantu guru untuk mengajar topik Elektrokimia dengan lebih efisien. Hal ini kerana langkah-langkah yang terdapat dalam manual ini telah disusun dengan mengikut susunan yang teratur iaitu daripada konsep yang mudah kepada konsep yang sukar. Penggunaan manual ini mampu meningkatkan kecekapan guru dalam mengajar topik Elektrokimia yang abstrak.

Selain itu, penggunaan manual ini diharap dapat memudahkan PK dan meningkatkan penguasaan pelajar dalam KPS, khususnya bagi topik Elektrokimia Ting. 4. Hal ini kerana ME yang dibangunkan mengandungi unsur KPS berdasarkan Lawson (2000) dan struktur perdebatan Toulmin (1958) dalam mencari jawapan kepada persoalan yang sedang dikaji, serta PK Elektrokimia berdasarkan Bruner (1973).

Penggunaan manual ini juga mampu untuk merangsang MB pelajar dalam mempelajari topik Elektrokimia. Manual yang dibina boleh dijadikan sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang diharap menjadi panduan alternatif yang dapat

membantu para guru dan pelajar dalam mempelajari konsep-konsep berkaitan topik Elektrokimia Ting. 4.

ME Ting. 4 yang dibentuk boleh dijadikan sebagai buku tambahan dalam mempelajari topik ini. Hal ini kerana menurut Bakar (2010), buku teks sedia ada dalam topik Elektrokimia kurang lengkap, iaitu hanya mengandungi panduan definisi asas dan contoh yang ringkas dan terhad sahaja berkaitan Elektrokimia serta tidak dijelaskan dengan terperinci menggunakan gambarajah. Maka manual ini mampu menjadi “*supplement*” kepada buku teks tersebut.

Hasil kajian ini juga membantu guru dalam mengenal pasti prestasi pelajar dalam PK Elektrokimia Ting. 4 , tahap KPS dan MB mereka. Hal ini kerana pelajar yang berjaya mengaplikasikan konsep Elektrokimia sememangnya mempunyai motivasi yang tinggi untuk mendapatkan maklumat lanjutan yang menyeluruh dalam topik Elektrokimia.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar Tingkatan 4 di dua buah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dalam negeri Perak dan sebuah MRSM di Kedah. Sampel pelajar dipilih tanpa mengira jantina. ME Tingkatan 4 dibangunkan dan diguna pakai dalam kajian ini. Seramai 30 orang responden berusia 16 tahun dipilih bagi satu kumpulan dalam maktab tersebut. Satu kumpulan responden menggunakan ME Tingkatan 4, manakala satu kumpulan responden lagi belajar tanpa menggunakan ME Tingkatan 4. Maka dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi MRSM.

Selain itu, Ujian KPS oleh Lawson dipilih dan digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana tiada Ujian KPS dengan konsep-konsep Elektrokimia Ting. 4 yang